



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

Para pengusaha bangku pasar diingatkan pameran tanda harga dengan jelas dan betul


1. Para pengusaha bangku pasar diingatkan untuk mengamalkan ketelusan harga serta menjalankan amalan perniagaan yang telus dan beretika dengan mematuhi Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga) dan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151. Perkara ini ditekankan semasa pemeriksaan bersepadu Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi ke Pasar Tani Selayun, baru-baru ini.
2. Pemeriksaan bersepadu bertujuan bagi memantau dan meningkatkan kesedaran dan kepatuhan para pengusaha bangku pasar ke atas Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga) dan Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151, dalam usaha untuk memelihara kesejahteraan pengguna dan membina persekitaran perniagaan yang wajar dan telus.
3. Hasil daripada pemeriksaan bersepadu, JPES mendapati lebih daripada lima puluh pengusaha bangku patuh terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga). Sementara itu, sebilangan pengusaha bangku masih didapati tidak mempamerkan tanda harga atau mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan sahaja. Para pengusaha bangku diberi amaran untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual, dan jika didapati melakukan kesalahan berulang, boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak BND1,000 menurut bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
4. Para pengusaha bangku turut diberikan poster mengenai paparan tanda harga bagi meningkatkan kesedaran terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga). Mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada barangan yang dijual adalah penting bagi membolehkan pengguna untuk membuat pembelian yang bermaklumat.

5. Sementara itu, Unit SDT mendapati sebanyak tujuh puluh tiga unit alat sukat dan timbang digunakan bagi tujuan perdagangan. Dua unit gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah masnuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Pihak Unit SDT telah mengeluarkan satu Notis Peringatan dan pemilik alat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan. Kesalahan di bawah Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151 boleh didenda sebanyak BND1,000 atau penjara selama tiga bulan atau kedua-duanya sekali dan timbangan, sukat atau alat untuk menimbang tersebut boleh disita.
6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai paparan tanda harga serta sukat dan timbangan boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - Perintah Kawalan Harga (Paparanda Tanda Harga): Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123 atau e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn
 - Akta Sukatan dan Timbangan, Penggal 151: Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn

#####

Disediakan oleh:
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (87) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : 18 Rabiulawal 1447 / 11 September 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Market stall operators reminded to display prices clearly and accurately

1. Market stall operators are reminded to uphold price transparency and conduct ethical business practices by complying with the Price Control (Display of Prices) Order and the Weights and Measures Act, Chapter 151. This was underscored during a recent joint inspection at Pasar Tani Selayun by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs, together with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division under the Ministry of Finance and Economy.
2. The joint inspection aims to monitor compliance and increase awareness among market stall operators of the Price Control (Display of Prices) Order and the Weights and Measures Act, Chapter 151 as part of efforts to safeguard public welfare and promote a fair and transparent business environment.
3. Following the joint inspection, DEPS found that more than fifty stall operators were in compliance with the Price Control (Display of Prices) Order. However, a number of operators were still found to be either not displaying prices or displaying prices only on certain items. Stall operators are urged to display clear and accurate prices on all items sold, and if found committing repeated offences, may be liable to a compound of up to BND1,000 under section 10A of the Price Control Act, Chapter 142.
4. In addition, stall operators have been provided with posters on price display to raise awareness on the Price Control (Display of Prices) Order. Displaying clear and accurate prices on items is important to enable consumers to make informed purchase decisions.

5. Meanwhile, the SDT found seventy three units of measuring and weighing instruments during the operation. Two of the instruments failed to comply with the Weights and Measures Act, Chapter 151, particularly for using an expired permitted registration period. The SDT issued one Reminder Notice and the instrument owner is required to report to the Weights and Measures Unit Office within seven working days from the date of the notice. Infringements under the Weights and Measures Act, Chapter 151 may result in a fine of BND1,000, imprisonment for up to three (3) months, or both. Additionally, the weights and measures machines involved may be confiscated.

6. Any inquiries regarding price display and weights and measures can be directed through the following official channels:
 - Price Control (Display of Prices) Order: Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123 or email consumercomplaint@jpes.gov.bn

 - Weights and Measures Act, Chapter 151: SDT Unit, Industry and Business Ecosystem Division through email sdt@mofe.gov.bn

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (87) JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date : 18 Rabiulawal 1447 / 11 September 2025